

## Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia (*Understanding and Necessity of Marriage Education in Malaysia*)

Siti Nubailah Mohd Yusof<sup>1</sup>, Zuria Mahmud & Salleh Amat

### Abstrak

Pendidikan perkahwinan merupakan satu bentuk bekalan maklumat yang direka untuk membantu individu dan pasangan mencapai kejayaan dan kebahagiaan dalam perkahwinan. Namun, pendidikan perkahwinan bukan hanya setakat kursus pra-perkahwinan tetapi ia merupakan ilmu dan kemahiran perlu ada semasa permulaan perkahwinan dan ianya berterusan sepanjang tempoh perkahwinan itu berlangsung. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan pakar dan orang awam mengenai pendidikan perkahwinan di Malaysia. Kajian ini mengumpul data melalui temubual berstruktur dengan 12 orang sampel iaitu 3 orang awam dan 9 orang pakar yang terdiri daripada pensyarah, kaunselor berdaftar dan pegawai agama. Data yang diperolehi diuruskan dalam NVivo 8 dengan menggunakan pendekatan analisis tema. Hasil daripada temubual memperolehi dua tema utama iaitu : 1) kefahaman pendidikan perkahwinan dan 2) keperluan pendidikan perkahwinan.

Kata kunci: *pendidikan perkahwinan, kursus pra-perkahwinan, perkahwinan*

### Abstract

*Marriage education is a form of dissemination of information designed to help individual and couples to achieve happiness and success in marriage. Nevertheless, marriage education is not just a pre-marital course, but it is a knowledge and skills needed to have either at the beginning of marriage and it continued along marriage lasted. Therefore, this study aimed to investigate the views of experts and public about marriage education in Malaysia. The study collected data through structured interviews with 12 samples, 3 public and 9 experts consisting lecturers, registered counselors and religious officers. Data were managed in NVivo 8 using thematic analysis approach. Outcomes from the interview obtained two main themes 1) understanding of marriage education and 2) necessity of marriage education.*

*Keywords: marriage education, pre-marital course, marriage*

<sup>1</sup> Corresponding author : Siti Nubailah Mohd Yusof, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail : nubailah@usim.edu.my

## PENGENALAN

Para profesional dalam bidang kesihatan mental berhadapan dengan cabaran yang besar dalam menangani pasangan yang memerlukan terapi perkahwinan. Namun, kebanyakan pasangan yang mempunyai masalah perkahwinan tidak pernah mencari terapi. Antara 80 hingga 90 peratus pasangan bercerai melaporkan bahawa mereka tidak berunding dengan ahli terapi untuk masalah perkahwinan mereka (Halford et al., 2003). Tambahan pula, terdapat pelbagai limitasi dalam terapi perkahwinan seperti hasil terapi kurang penambahbaikan untuk kepuasan perkahwinan, pasangan takut dengan rawatan yang mungkin lebih memburukkan keadaan, atau boleh mengganggu privasi mereka (Johnson, 2002). Malahan, ada yang takut dengan stigma sebagai bermasalah serta melibatkan kos rawatan yang tinggi (Glenn et al., 2002). Berbeza dengan pendidikan perkahwinan yang kurang menimbulkan ketakutan, stigma, risiko, tidak mengganggu kehidupan peribadi pasangan dan juga tidak mahal. Berbanding dengan terapi perkahwinan yang hanya boleh dilaksanakan oleh terapis yang bertauliah dan berkelayakan, sesetengah bentuk pendidikan perkahwinan boleh dilaksanakan oleh orang biasa atau pun ahli agama (Stanley et al., 2001).

Pendidikan perkahwinan merupakan satu bentuk bekalan maklumat yang direka untuk membantu individu dan pasangan bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan dalam perkahwinan (Ooms, 2005) dan dalam masa yang sama untuk mengurangkan kadar perceraian (Doherty & Anderson, 2004). Kebanyakan program pendidikan perkahwinan adalah berorientasikan ke arah pencegahan yang menyeluruh di mana pencegahan yang disasarkan kepada pasangan yang bukan hanya yang mengalami tekanan tetapi objektifnya adalah untuk mencegah masalah dengan memperkukuhkan kemahiran-kemahiran hubungan pasangan (Blanchard et al., 2009).

Pendidikan perkahwinan mempunyai ruang lingkup yang luas. Ia boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu program pendidikan pra perkahwinan (*pre-marital education program*) dan program pengkayaan perkahwinan (*marital enrichment program*). Pendidikan pra-perkahwinan adalah berbentuk latihan kemahiran perkahwinan bagi pasangan yang bertunang dan pasangan yang bakal melangkah ke gerbang perkahwinan yang bertujuan untuk memberikan pendidikan, maklumat dan panduan serta pengetahuan berkaitan dengan perkahwinan seperti komunikasi, hubungan dengan keluarga mertua, hubungan seks, kewangan, serta peranan masing-masing sebagai langkah persediaan memasuki alam perkahwinan. Selain itu, pasangan juga diperkenalkan dengan kemahiran-kemahiran lain dalam perkahwinan seperti penyelesaian konflik, pengurusan kewangan dan bajet keluarga, mengenali personaliti diri dan pasangan, keibubapaan dan sebagainya. Program ini diberikan oleh para profesional yang bertauliah

seperti kaunselor profesional, terapis perkahwinan, ahli agama serta pakar yang berkaitan dalam bidang keluarga dan perkahwinan (DeMaria, 2005). Pengkayaan perkahwinan merupakan pendekatan berbentuk pendidikan kemahiran untuk membantu meningkatkan perhubungan pasangan bagi pasangan yang telah lama berkahwin. Matlamat pengkayaan perkahwinan adalah untuk membantu pasangan lebih menyedari akan diri sendiri dan pasangan, meneroka perasaan dan pemikiran pasangan, menggalakkan intimasi dan empati, dan membina kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah (Bowling et al., 2005).

Oleh itu dalam usaha menangani masalah perceraian serta ketidakfungsian perkahwinan, negara-negara Barat telah memperkenalkan pelbagai program pendidikan perkahwinan. Amerika Syarikat dan Australia antara negara-negara yang bergerak cergas dalam memperkenalkan program pendidikan perkahwinan. Kebanyakan kaunselor profesional melihat program berbentuk pendidikan sebagai cara untuk meringankan ketidakfungsian perkahwinan. Pelbagai buku kerja, program, kumpulan pertemuan dan syarahan bersiri diwujudkan untuk membantu memperkayakan perkahwinan (Mattson et al., 1990). Antara program-program yang mendapat sambutan ialah *PREmarital preparation and Relationship Enhancement* (Olson et al., 1996), *the Facilitating Open Couple Communication Understanding and Study* (Markey & Micheletto, 1997), *RELATIONSHIP Evaluation* (Busby et al., 2001), *Relationship Enhancement* program (Guernsey 1977, 1987), *the Premarital Relationship Enhancement* program (Markman et al., 1988), *the Couple Commitment and Relationship Enhancement* program (Halford et al., 2004), *the Couple Communication* program (Miller et al., 1992), dan *Couples Coping Enhancement Training* (Bodenmann & Shanthinath, 2004).

Walaupun program pendidikan dan pengkayaan perkahwinan ini meluas penggunaannya di negara Barat, namun program ini merupakan suatu istilah baru di Malaysia. Menurut Huang (2005) terapi perkahwinan kurang berkembang di Malaysia. Sungguhpun perkhidmatannya wujud, namun ia hanya diberikan secara asas berdasarkan persekitaran keagamaan. Kaunselor-kaunselor profesional memang ada namun hanya segelintir sahaja yang memberikan perkhidmatan kaunseling perkahwinan secara profesional. Lantaran itu, pihak kerajaan serta NGO telah berusaha mengambil pelbagai langkah dengan memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai peri-pentingnya sesebuah institusi kekeluargaan. Pelbagai kempen, seminar, kursus dan khidmat kaunseling telah disediakan bagi membantu masyarakat membina keluarga yang aman dan harmoni.

Oleh demikian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan satu bentuk kursus yang diberi nama Kursus Pra-Perkahwinan

Islam (KPPI) yang mana ia wajib dihadiri oleh pasangan Muslim bakal berkahwin. Kursus ini sebagai persediaan dan memberi pengetahuan asas kepada pasangan bakal berkahwin. Menurut Syarifah Syukriah (2003) menerusi kajian beliau mengenai penilaian responden terhadap kaedah pelaksanaan serta keberkesanan KPPI dalam pembentukan institusi kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati sebanyak 82 peratus berpuas hati, manakala bakinya 18 peratus tidak berpuas hati. Sebilangan kecil yang tidak berpuas hati itu menyatakan bahawa kaedah yang digunakan dalam KPPI adalah terlalu ringkas dan isi kandungannya kurang padat. Siri ceramah yang bertubi-tubi tanpa diselangi dengan aktiviti lain menyebabkan peserta berasa bosan. Antara kaedah yang perlu dikemaskinikan ialah ceramah.

Selain itu, perkhidmatan kaunseling perkahwinan dilihat sebagai satu cara untuk membantu menyelesaikan masalah dalam perkahwinan seterusnya berusaha untuk membendung perceraian (Zawanah, 1998). Menyoroti tahun-tahun kebelakangan perkhidmatan kaunseling perkahwinan ini, banyak kajian-kajian telah dilakukan untuk mengkaji dan mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan ini. Kebanyakan kajian dilaksanakan di Jabatan Agama Islam negeri di Malaysia (antaranya Fariza, 1993; Zawanah, 1998; dan Zainab, 2001). Zawanah (1998) pula mengkaji mengenai konflik dalam rumah tangga dan mekanisma penyelesaian konflik yang terdapat di Jabatan Agama Islam. Kesemua kajian ini adalah berlandaskan konsep dan pendekatan menurut perspektif Islam.

Namun begitu, belum ada lagi kajian yang lebih fokus kepada intervensi yang boleh membimbing dan mendidik pasangan dalam bentuk pembinaan kemahiran (*skills-building*) dalam menangani masalah perkahwinan. Walaupun ada pendidikan perkahwinan yang diberikan secara formal seperti Kursus Pra Perkahwinan Islam (KPPI) oleh Jabatan Agama Islam, namun kursus ini hanya tertumpu kepada penyampaian maklumat dan pengetahuan yang berbentuk ceramah dan bukannya berbentuk kemahiran. Kaedah pelaksanaan kursus ini kurang memberi galakan dan rangsangan untuk manfaat jangka masa panjang bagi pasangan (Syarifah Syukriah, 2003). Oleh demikian, perlunya ada satu pendekatan pendidikan perkahwinan yang lebih efektif untuk menangani masalah dalam perkahwinan, memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan seterusnya dapat membendung peningkatan berlakunya perceraian. Untuk itu, pendidikan perkahwinan di Malaysia perlu lebih terbuka dan lebih inovatif.

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan pakar dan orang awam mengenai pendidikan perkahwinan di Malaysia.

## KAEDAH KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah temubual dipilih dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan daripada pakar serta orang awam mengenai pendidikan perkahwinan. Seramai 12 sampel terlibat dalam kajian temubual ini. Sampel diperolehi melalui iklan di laman sosial *Facebook*. Mereka adalah secara sukarela. Pengkaji tidak menetapkan berapa banyak bilangan responden namun akhirnya hanya 12 sahaja yang ingin menyertai kajian. Mereka terdiri daripada sembilan orang pakar iaitu kaunselor, pegawai agama, pensyarah serta tiga orang awam. Hasil daripada temubual dianalisis dalam perisian NVivo 8 yang merupakan satu perisian terkini yang dibina khas untuk mengorganisasi dan menganalisis data kualitatif. Temubual yang telah dirakam ditranskripkan terlebih dahulu. Setelah temubual ditranskrip, tema-tema telah dikodkan. Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan tema tersebut pengkaji telah memberikan jadual pengkodan tema-tema kepada empat orang penilai pakar untuk menilai pengkodan tema tersebut. Bagi tujuan kajian ini, terdapat dua tema utama yang diperolehi iaitu 1) kefahaman pendidikan perkahwinan dan 2) keperluan pendidikan perkahwinan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil Responden

Daripada 12 orang pakar yang terlibat dalam kajian temubual ini, 4 orang (33.3%) berumur bawah 30 tahun, 7 orang (58.3%) berumur antara 31-40 tahun manakala hanya seorang (8.4%) yang berumur 40 ke atas. Profil menunjukkan dari segi umur kebanyakan subjek kajian dalam lingkungan 30-40an. Berdasarkan jantina pakar lelaki seramai 2 orang (16.7%) manakala pakar perempuan pula seramai 10 orang (83.3%). Pakar adalah merupakan dua orang pensyarah (16.7%) yang berpengalaman dalam mengajar dan menjalankan kajian dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan, lima orang kaunselor (41.6%) yang berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan dan dua orang pegawai agama (16.7%) serta tiga (25%) orang awam. Kesemua subjek kajian telah berkahwin.

### Pandangan Pakar dan Orang Awam Mengenai Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan.

### Konsep Pendidikan Perkahwinan

Pelbagai pendapat yang diberikan oleh pakar dan orang awam mengenai kefahaman mereka tentang konsep pendidikan perkahwinan. Terdapat tiga tema penting yang muncul mengenai kefahaman pendidikan perkahwinan iaitu:

- i. pendidikan perkahwinan merupakan satu disiplin ilmu dan pengetahuan asas,
- ii. pendidikan sepanjang hayat dan
- iii. melibatkan kerjasama antara pakar.

### ***Pendidikan perkahwinan sebagai satu disiplin ilmu***

Pendidikan perkahwinan merupakan satu kefahaman mengenai ilmu rumahtangga yang perlu ada pada setiap pasangan sama ada sebelum berkahwin dan semasa melayari perkahwinan. Ia bertujuan untuk membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Pendidikan perkahwinan merangkumi pelbagai aspek seperti fizikal (keperluan isi rumah, kewangan), psikologikal (keperluan rohani, seksual, saling menghormati), spiritual (nilai-nilai murni, keagamaan) serta tanggungjawab sebagai suami dan isteri.

*“Pendidikan perkahwinan merupakan satu kefahaman tentang ilmu rumah tangga yang perlu ada pada setiap pasangan sama ada sebelum berkahwin dan semasa melayari perkahwinan untuk membentuk keluarga yang sakinah.. hal ini penting agar suami dan isteri atau bakal suami dan isteri sedar akan tanggungjawab masing-masing.ilmu ini merangkumi pelbagai aspek dari segi keperluan isi rumah, kewangan, keperluan rohani, keperluan seksual dan saling menghormati”*

Untuk menjadi seorang suami dan isteri yang baik dan bertanggungjawab perlulah mempunyai ilmu sama ada ilmu fardu ain dan juga fardu kifayah, ilmu duniawi begitu juga ukhrawi. Menurut syariat Islam, melalui perkahwinan telah ditentukan kewajipan-kewajipan serta peraturan yang membawa kebahagiaan kepada pasangan yang mematuhi. Oleh itu sewajarnya suami dan isteri menghayati isi kandungan al-Quran dan sunnah Rasulullah (SAW) untuk dijadikan asas pegangan dan panduan hidup berkeluarga. Menurut Rosline (2009) isteri yang solehah yang berjaya dalam memiliki ilmu duniawi dan ukhrawi, berdoa kepada Allah SWT menjadi suatu kepastian agar mereka diberi kekuatan hati, mental dan fizikal sebagaimana kuatnya isteri-isteri solehah pada zaman Rasulullah SAW manakala suami tidak boleh lalai dalam urusan memberikan pendidikan agama kepada diri dan keluarganya. Ilmu dapat menolong seseorang hidup lebih berjaya kerana apabila menuntut ilmu dunia dan ilmu akhirat, diri dapat pergi lebih jauh dan mendalami dunia yang semakin mencabar dengan pelbagai pembangunan dan teknologi baru. Ilmu dunia dan akhirat mestilah seimbang kerana manusia memerlukan kedua-dua ilmu tersebut untuk menjadi masyarakat yang lebih berjaya dan sempurna.

### ***Pendidikan sepanjang hayat***

Kefahaman kedua mengenai pendidikan perkahwinan adalah sebagai pendidikan sepanjang hayat di mana ia meliputi semua hukum kehidupan berlandaskan agama dan adat budaya masing-masing yang mana tujuannya adalah untuk menghasilkan satu keturunan keluarga yang mampu memakmurkan bumi.

*“Pendidikan sepanjang hayat – meliputi semua hukum kehidupan berlandaskan agama dan adat budaya bangsa masing-masing – menghasilkan satu keturunan keluarga yang mampu memakmurkan bumi ini dan mewariskan keamanan yang ada kini”*

*“ family life cycle.. Itu yang kita nak bagi pada couples supaya dengan family life cycle ni mereka akan belajar macamana (kehidupan berkahwin)...kalau kita dah bagi education..mereka ingat” (belajar tentang keluarga)..in fact kalau orang nak bercerai pun kalau dia nak bercerai, family education program, so dia belajar dan apply bila dia ada new relationship”*

Menurut Paul Lengrand pendidikan tidak sepatutnya terhenti pada usia kanak-kanak atau remaja. Ia perlu mengiringi seseorang itu di sepanjang hayatnya. Konsep pembelajaran sepanjang hayat adalah berdasarkan premis bahawa manusia belajar sepanjang tahap kehidupan yang dilaluinya (Muhammad Hisyam, 2008). Mazanah & Carter (2000) menyatakan bahawa pendidikan dan pembelajaran seharusnya merupakan satu proses yang berterusan dalam kehidupan kita. Ianya bukan terhenti setelah kita menyempurnakan tahap persekolahan atau pengajian di institusi pendidikan. Sepanjang hidup kita adalah proses pendidikan dan pembelajaran. Orang dewasa melihat peranan pendidikan berdasarkan perspektif diri sendiri. Mereka melalui proses pembelajaran bersesuaian dengan pengalaman yang telah mereka lalui. Kita memerlukan tunjuk ajar daripada orang lain supaya kita dapat menguruskan kehidupan kita dengan lebih baik. Membuat perubahan memerlukan pembelajaran. Pembelajaran bukan hanya melalui institusi pendidikan tetapi ia juga melibatkan pembelajaran secara tidak formal atau melalui pengalaman hidup. Pendidikan sepanjang hayat berkait rapat dengan pembelajaran orang dewasa yang bermatlamatkan untuk memperbaiki kehidupan dengan mempertingkatkan kemahiran diri dalam pekerjaan, keluarga dan masyarakat.

Justeru itu, pendidikan perkahwinan merupakan satu proses pendidikan dan pembelajaran untuk memperbaiki seterusnya memperkukuhkan perhubungan

pasangan suami isteri dalam menguruskan kehidupan perkahwinan mereka. Pendidikan perkahwinan perlu mempunyai nilai keagamaan kerana matlamat utama perkahwinan itu adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Ini juga berbalik kepada definisi pendidikan Islam di mana pendidikan adalah proses memperkembang dan melatih akal, jasmani serta rohani manusia dengan nilai-nilai Islam yang bersumberkan Al-Quran dan sunnah untuk melahirkan insan yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada penciptanya iaitu Allah SWT (Abdul Halim al-Muhammady, 1994).

### ***Usaha kerjasama***

Dapatan daripada temubual memperolehi bahawa pendidikan perkahwinan merupakan gandingan usaha dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti terapis keluarga, pendidik keluarga, kaunselor dan orang agama. Mereka ini digelar pendidik perkahwinan. Mereka bukan sahaja memerlukan kerjasama daripada para profesional tetapi mereka perlu mendapatkan kerjasama dan sambutan daripada ahli komuniti dan masyarakat serta pihak kerajaan. Mereka ini yang akan menjadi penyokong kepada pendidikan perkahwinan.

*“ family therapist ni la bekerjasama dengan family educators.. so jadi,tidak masuk dalam perkahwinan yang silap..tetapi in case la mereka dah pergi juga..kemudian bercerai..tetapi ada juga manusia lepas perceraian”*

Menurut Hawkins et al. (2004) pendidikan perkahwinan itu bukan hanya untuk memperkukuhkan perkahwinan yang terpinggir tetapi ia juga mempunyai matlamat untuk menyatukan masyarakat dan menjadikan mereka satu persekitaran yang baik untuk perkembangan diri dan masyarakat. Oleh demikian, usaha dan tugas-tugas memperkasa institusi kekeluargaan kini bukan lagi menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja tetapi ia memerlukan gandingan daripada pelbagai pihak. Peranan kaunselor bukan lagi bersendirian dalam membantu menyelesaikan masalah perkahwinan. Gandingan inisiatif daripada pihak pentadbir seperti kerajaan dan NGO untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai peri-pentingnya sesebuah institusi kekeluargaan adalah amat perlu. Ini secara tidak langsung merupakan cabaran dalam melaksanakan pendidikan perkahwinan kepada masyarakat.

### **Keperluan Pendidikan Perkahwinan**

Tema keperluan pendidikan perkahwinan membincangkan sejauh mana perlu adanya pendidikan perkahwinan (iaitu kursus pra-perkahwinan dan kursus pasca perkahwinan). Sub tema yang diperolehi mengenai keperluan pendidikan perkahwinan adalah i) sebagai pengayaan ilmu; ii) untuk pencegahan awal masalah psikologi keluarga; dan iii) bagi mengekalkan



hubungan perkahwinan yang sihat. Selain itu tema ini juga menemui pandangan tentang iv) cabaran melaksanakan pendidikan perkahwinan.

### ***Sebagai pengayaan ilmu***

Walaupun pendidikan perkahwinan ini masih baru di Malaysia namun keperluannya ada. Masyarakat memerlukan pendidikan perkahwinan kerana ia merupakan satu ilmu mengenai perkahwinan yang bertujuan untuk menambahbaik dan memperkayakan hubungan perkahwinan.

*“Melayari bahtera perkahwinan sekiranya tiada ilmu dalam mengawal, mengurus, mentadbir, memantau, mendidik, membimbing, dan menerap nilai-nilai murni maka akan karamlah bahtera tersebut dalam pelayaran di lautan yang penuh gelora, ribut taufan serta tsunami kehidupan. Sebab elemen terpenting yang digariskan oleh Rasulullah SAW adalah agama. Agama bermaksud panduan hidup, way of life – dan ini tidak terlepas daripada aspek pembelajaran ilmu pengetahuan bersifat duniawi dan ukhrawi”*

*“Dapat menambah baik dan memperkaya hubungan perkahwinan. Bengkel sebab-akibat dan penyelesaian masalah adalah di antara faktor pengetahuan yang banyak membantu pasangan untuk menambahbaik kesegaran alam perkawinan”*

Dalam Islam perkahwinan merupakan satu ikatan yang direstui di sisi agama dan undang-undang di antara lelaki dan wanita di mana mereka telah dibenarkan untuk hidup bersama, mereka memulakan satu perjalanan hidup yang panjang, bersama semangat kasih sayang dan cinta, kerjasama, harmoni dan toleransi di mana masing-masing cuba mengenali antara satu sama lain dalam mencari kesejahteraan, kepuasan diri dan keselesaan. Di dalam al-Quran ada dinyatakan bahawa perkahwinan membawa kepada kasih sayang, keharmonian, kepercayaan dan belas kasihan. Ia dinyatakan dalam Surah Ar-Ruum ayat 21 yang bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”*

### ***Pencegahan awal masalah psikologi keluarga***

Sub tema kedua melalui tema keperluan ini ialah pencegahan awal masalah psikologi keluarga. Pakar berpendapat bahawa menerusi pendidikan perkahwinan dapat mencegah berlakunya masalah psikologi keluarga seperti penderaan mental, fizikal, pengabaian zahir dan batin. Pendidikan perkahwinan dapat membantu pasangan berisiko iaitu pasangan yang tiada asas agama mendapat pendedahan awal mengenai alam rumahtangga.

*“Pengisian program sepanjang kursus boleh memberi kefahaman dan pendedahan awal kepada pasangan tentang alam rumahtangga. Pemahaman yang mendalam tentang perkahwinan dan rumahtangga dapat mengelakkan berlakunya perceraian”*

*“magnanya kalau sebelum perkahwinan tu ada pakar yang bantu mereka..macam kaunseling pra-perkahwinan.. banyak orang reaktif la..macam kesihatan jugak la.. medical check up orang tak nak buat..majikan kata you kena buat medical check up..bila nak masuk kerja.. patutnya orang yang sihat setahun sekali kena buat medical check up..”*

### ***Mengekalkan hubungan perkahwinan yang sihat***

Melalui pendidikan perkahwinan pasangan digalakan untuk memperbaiki hubungan perkahwinan mereka, selain mereka mendapat pengalaman baru kerana setelah sekian lama melayari alam perkahwinan kadang-kala pasangan mengambil mudah akan perkara-perkara tertentu.

*“Kadang-kadang dalam perkahwinan setelah sekian lama melayari rumah tangga, kita jadi tepu dan sering mengambil mudah dalam beberapa elemen tertentu dan keadaan ini perlu diingatkan kembali dan kaedah ini perlu diaplikasikan semula untuk memulihkan kembali samada hubungan kasih sayang dan tanggungjawab”*

*“kita encourage pasangan supaya mereka boleh memperbaiki hubungan mereka..dapat pengalaman baru dan mereka praktis pengalaman baru tu untuk mempertingkatkan hubungan perkahwinan..”*

### ***Cabaran melaksanakan pendidikan perkahwinan***

Mendidik pasangan khususnya dan masyarakat umumnya bukanlah sesuatu yang mudah. Terdapat pelbagai cabaran dalam usaha untuk melaksanakan

pendidikan perkahwinan. Ini termasuklah cabaran dari segi polisi serta keperluan masyarakat itu sendiri. Ini kerana mentaliti masyarakat masih kuno dan pasangan tidak akan mendedahkan kelemahan dan keburukan mereka di khalayak ramai. Ini yang menyebabkan program-program sebegini kurang mendapat perhatian dan sambutan.

*“Pasangan yang menghadiri kursus tidak akan mendedahkan kelemahan masing-masing di hadapan orang asing, sekadar duduk mendengar ceramah bersama pasangan lain hanya akan memberi kesan sementara”*

*“Rata-rata rakyat Malaysia masih menganggap isu hubungan perkahwinan sebagai sesuatu yang tabu untuk dibincang di khalayak ramai. Disemai pula dengan sifat ego sama ada suami atau isteri”*

Oleh demikian, pendidikan dan ilmu pengetahuan bukan sekadar diperlukan sebagai persediaan menempuhi alam perkahwinan tetapi ia adalah keperluan untuk sepanjang hidup berkahwin dan berkeluarga. Maklum balas daripada kajian temubual memperolehi bahawa kursus pra-perkahwinan dianggap sebagai landasan dan asas kepada persediaan pasangan berkahwin. Namun begitu, ilmu yang diperolehi daripada kursus tersebut tidak mencukupi untuk bekalan menempuhi kehidupan berumahtangga malahan ia perlu sentiasa ditambahbaik dan diperbaharui. Ini menyokong kajian Syarifah Syukriah (2003) yang menyarankan bahawa kesinambungan daripada kursus Pra-Perkahwinan Islam (KPPI) wajar diadakan terutama bagi pasangan yang telah berkahwin lebih lima tahun. Ini adalah untuk memastikan keutuhan dan kestabilan rumahtangga itu dapat dikekalkan.

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Islam meletakkan perkahwinan di tahap yang tinggi berbanding perkara lain, di mana ia dapat membantu melaksanakan kesempurnaan spiritual insan. Sebuah perkahwinan itu merupakan perjanjian yang sah yang diredhai oleh Allah SWT serta diiktiraf oleh masyarakat. Umat Islam melihat perkahwinan sebagai asas kepada kehidupan keluarga dan masyarakat. Dari sudut praktikalnya, perkahwinan dalam Islam adalah merupakan satu struktur yang melalui penguatkuasaan hak dan tugas yang berlandaskan undang-undang yang disyarakkan kepada kedua-dua belah pihak. Di dalam suasana kasih sayang dan hormat, hak-hak dan tugas tersebut menyediakan kerangka kerja untuk mengimbangi kehidupan keluarga dan memenuhi tuntutan kedua-dua belah pihak (Muhammad Abdul Rauf, 1997).

Keseluruhan perbincangan dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan perkahwinan amatlah perlu diterapkan dalam diri pasangan suami isteri. Pendidikan perkahwinan bukan hanya setakat kursus pra-perkahwinan tetapi ia memberi pengertian dan pemahaman bahawa pendidikan iaitu ilmu dan kemahiran perlu ada sama ada semasa permulaan perkahwinan dan ianya berterusan sepanjang tempoh perkahwinan itu berlangsung. Sesungguhnya terdapat peluang yang berpotensi untuk menawarkan pendidikan perkahwinan ini. Perkahwinan merupakan satu kapsul masa dan ruang yang memerlukan kita untuk melakukan pelbagai daya usaha bagi memperkukuh dan mempertahankan institusi ini. Tambahan pula, dengan menawarkan pelbagai inisiatif pada transisi penting (seperti menjadi ibubapa, cabaran tahun awal perkahwinan), apabila berlakunya ketidaksefahaman, dan sebagai persediaan awal bagi anak muda untuk perhubungan masa depan mereka, semua ini mempunyai potensi yang berguna sebagai sasaran melaksana dan menawarkan pendidikan perkahwinan.

#### RUJUKAN

- Abdul Halim al-Muhammady. (1994). Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7(2), 155-163.
- Blanchard, V. L., Hawkins, A. J., Baldwin, S. A., & Fawcett E. B. (2009). Investigating the effects of marriage and relationship education on couples' communication skills: A meta-analytic study. *Journal of Family Psychology*, 23(2), 203-214.
- Bowling, T. K., Hill, C. M., & Jencius, M. (2005). An overview of marriage enrichment. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 13(1), 87-94.
- Busby, D. M., Holman, T. B., & Taniguchi, N. 2001. *RELATE*: Relationship evaluation of the individual, family, culture and couple context. *Family Relations*, 50, 308-317.
- Bodenmann, G, & Shanthinath, D. (2004). The Couples Coping Enhancement Training (CCET): A new approach to prevention of marital distress based upon stress and coping. *Family Relations*, 53, 477-484.
- DeMaria, R. M. (2005). Distressed couples and marriage education. *Family Relations*, 54(2), 242.
- Doherty, W. H., & Anderson, J. R. (2004). Community marriage initiatives. *Family Relations*, 53, 425-432.
- Fariza Md Sham. (1993). Pendekatan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam mengatasi masalah perkahwinan pasangan Muslim. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Glenn, N. D., Nock, S., Waite, L., Doherty, W., Gottman, J., & Markey, B. (2002). Why marriage matters: Twenty-one conclusions from the social sciences. *American Experiment Quarterly*, 5, 34-44.

- Guerney, B. G. (1977). *Relationship Enhancement*. San Francisco: Jossey Bass.
- Halford, W. K., Markman, H. J., Kline G. H., & Stanley, S. M. (2003). Best practice in couple relationship education. *Journal of Marital and Family Therapy*, 29(3), 385.
- Halford, W. K., Moore, E. M., Wilson, K. L., Dyer, C. & Farrugia, C. (2004). Benefit of a flexible delivery relationship education: An evaluation of the Couple CARE program. *Family Relation*, 53, 469-476.
- Hawkins, A. J., Carroll, J. S., Doherty, W. J., & Willoughby, B. (2004). A comprehensive framework for marriage education. *Family Relations*, 53, 547-558.
- Huang, W. J. 2005. An Asian perspective on relationship and marriage education. *Family Process*, 44(2), 161.
- Johnson, S. M. (2002). Marital problems. In D. H. Sprenkle (Ed.), *Effectiveness research in marriage and family therapy* (pp. 163-190). Alexandria, VA: American Association for Marriage and Family Therapy.
- Mattson, D. L., Christensen, O. J., & England, J. T. (1990). The effectiveness of a specific marital enrichment program: TIME. *Individual Psychology*, 46(1), 88-92.
- Markey, B. & Micheletto, M. (1997). *Instructor manual for FOCCUS*. Omaha, NE: Archdiocese of Omaha.
- Markman, H. J., Floyd, F. J., Stanley, S. M., & Storaasli, R. D. (1988). Prevention of marital distress. A longitudinal investigation. *Journal of Counseling and Clinical Psychology*, 56(2), 210-217.
- Mazanah Muhamad & Carter, G. L. (2000). *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Miller, S., Miller, P., Nunnally, E. W., & Wackman, D. B. (1992). *Couple Communication Instructor Manual*. Evergreen. CO: International Communication Programs.
- Muhammad Abdul Rauf. (1997). *Wanita dan Keluarga dari Pandangan Islam*. Penterjemah: Mahani Che Ibrahim. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Hisyam. (2008). Pembelajaran sepanjang hayat teras pembangunan modal insan. *Utusan Malaysia*, 15 Februari: 5.
- Olson, D. H., Fournier, D. H., & Druckman, J. M. (1996). *PREPARE*. Minneapolis, MN: Life Innovation. <http://www.lifeinnovations.com> (dicapai pada 3 Mac 2009).
- Ooms, T. (2005). *The new kids on the block: what is marriage education and does it work?*. Centre for Law and Social Policy.
- Rosline Harun. (2009). *Suami Isteri Paling Bahagia Melayari Cinta Dan Mengharungi Masa*. Kharisma Network Sdn. Bhd.

- Stanley, S. M. (2001). Making the case for premarital training. *Family Relations*, 50, 272-280.
- Syarifah Syukriah Tuan Habib. (2003). *Kursus pra-perkahwinan Islam: Analisis metod dan pelaksanaan serta keberkesanannya dalam pembentukan kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Zainab Ismail. (2001). *Proses kaunseling Islam di kalangan pasangan bermasalah: Satu kajian kes di Jabatan Agama Islam WPKL*. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Zawanah Muhammad. (1998). *Perkhidmatan kaunseling perkahwinan di jabatan-jabatan Agama Islam*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. UKM, Bangi.

Siti Nubailah Mohd Yusof  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
nubailah@usim.edu.my

Zuria Mahmud  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43300 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
zuria@ukm.edu.my

Salleh Amat  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43300 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
sallehba@ukm.edu.my